

14 NOV 1996

Apcet-Pujian

PEMUDA INDONESIA UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 14 Nov (Bernama) -- Beberapa pertubuhan pemuda Indonesia mengirim surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan pujian dan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia kerana membubar dan menghantar pulang peserta asing Persidangan Asia Pasifik Mengenai Timor Timur (APCET II) di Kuala Lumpur Sabtu lepas.

Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), Generasi Muda Mathla'ul Anwar (GEMMA) dan pimpinan pusat Jawatankuasa Khas Forum Komunikasi Organisasi Kemasyarakatan Islam dalam surat masing-masing menjunjung tinggi semangat perpaduan ASEAN yang ditunjukkan Malaysia.

Ketua Dewan Pengurusan Pusat KNPI, Haji Syarifuddin Soeltan dalam suratnya kepada Kerajaan Malaysia berkata, delegasi KNPI akan mengunjungi Kedutaan Malaysia Isnin ini bagi menyampaikan penghargaan dan terima kasih mereka kepada Malaysia.

Empat anggota jawatankuasa GEMMA yang dipimpin Presidennya, Ahmad Mukhlis Yusuf pula mengunjungi Kedutaan Malaysia hari ini bagi menyerahkan surat penghargaan melalui atase Penerangan Malaysia di sini, Encik Tarmidzi Hasyim yang mewakili Duta Besar yang sedang bercuti.

"Sikap Malaysia itu adalah demi kebaikan masyarakat Timor Timur yang kini menghadapi masalah yang lebih serius seperti pengangguran. Masyarakat antarabangsa hendaklah mengakui hak dan kedaulatan masyarakat Timor Timur yang menjadi sebahagian wilayah Indonesia pada 1976," kata Ahmad Mukhlis kepada wartawan.

Pimpinan pusat Jawatankuasa Khas Forum Komunikasi Organisasi Kemasyarakatan Islam pula menyatakan penghargaan terhadap sikap Malaysia yang tidak mencampuri urusan dalam negeri orang lain dan menjunjung tinggi rasa perpaduan Asean yang ditunjukkan.

Selain pujian, Malaysia turut menerima protes daripada satu kumpulan kecil aktivis yang mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Malaysia di sini.

Kira-kira 15 orang yang memanggil diri mereka "Barisan Rakyat Indonesia Bertindak" membawa sepanduk memprotes Malaysia di hadapan kedutaan itu mulai 11.30 pagi ini tetapi bersurai setelah kedatangan pasukan keselamatan kira-kira 20 minit kemudian.

Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Perhimpunan Bantuan Hukum dan Hak Asasi Manusia Indonesia (PBHI) juga menyampaikan surat protes kepada kedutaan.

Sementara itu, salah seorang peserta APCET II dari Indonesia yang dihantar pulang, HJC Princen dalam suratnya kepada Kerajaan Malaysia memprotes tindakan Malaysia kerana kononnya melanggar perkara 20 Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bagaimanapun, beliau memuji layanan baik pihak polis dan imigrasi Malaysia terhadap para peserta semasa mereka ditahan. -- BERNAMA

KHY PR